




PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

INSIDEN BANJIR

**DI SEKOLAH DAN MAKTAB
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**





**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
INSIDEN BANJIR
DI SEKOLAH DAN MAKTAB
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

EDISI KEDUA


DISEDIAKAN OLEH :

**BAHAGIAN KESIHATAN
KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (HSE)
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Diterbitkan pada:
Januari 2025

JIKA TERJADI INSIDEN BANJIR HUBUNGI :

NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN

- 
1. Ambulan (Paramedik) 991
 2. Pasukan Polis Di-Raja Brunei 993
 3. Pasukan Bomba dan Penyelamat 995
 4. Pasukan Mencari dan Menyelamat 998
 5. Talian Darussalam 123
 6. Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan 2381771
 7. Jabatan Sekolah-Sekolah 2232713
 8. Bahagian HSE 2235578

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	DEFINISI	1
2.	TUJUAN	1
3.	KOMUNIKASI	1
4.	TAHAP RISIKO BANJIR DI SEKOLAH-SEKOLAH MENGIKUT SUKATAN PARAS AIR BERDASARKAN PROSEDUR OPERASI STANDARD JAWATANKUASA PUSAT OPERASI KECEMASAN DAERAH (DEOC)	2
5.	FASA SEBELUM INSIDEN	3
	• PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN	3
	• PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH	4
	• PERANAN JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET	5
	• PERANAN SEKOLAH	5-6
6.	FASA SEMASA INSIDEN	7
	• PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH	7
	• PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN	7
	• PERANAN SEKOLAH	8-13
7.	FASA SELEPAS INSIDEN	14
	• PERANAN SEKOLAH	14-15
	• PERANAN JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET	16
8.	LAMPIRAN	17
9.	PENGHARGAAN	18-19

1. DEFINISI



Banjir berlaku apabila air menenggelami tempat atau kawasan rendah (rujuk gambar-gambar pada lampiran). Amaran banjir berlaku ketika turunan hujan berlebihan, paras air tinggi atau air pasang yang diluar jangkaan, dan air sungai melimpah atau sistem perparitan / longkang tersumbat.

2. TUJUAN

Dokumen ini disediakan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua warga sekolah sentiasa diambil perhatian dengan:

- 1.1 Menyediakan garis panduan tindakan yang perlu diambil jika berlaku banjir;
- 1.2 Memupuk kesedaran kesiapsiagaan kalangan warga sekolah bagi menghadapi sebarang insiden banjir jika berlaku di sekolah, dan;
- 1.3 Memastikan aspek kesihatan dan keselamatan serta persekitaran warga sekolah sentiasa terjamin dan terkawal semasa dan setelah kejadian banjir berlaku.

3. KOMUNIKASI

i. Media

Jika didapati ada kunjungan media untuk mendapatkan bahan liputan, sila salurkan mereka kepada Pegawai penghubung media di Jabatan Sekolah-Sekolah yang dilantik atau Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pendidikan.

ii. Keluarga terdekat

Jika keadaan membabitkan warga sekolah sebagai mangsa yang terjejas oleh banjir di sekolah, sila tangani ahli keluarga terdekat dengan sikap terbuka, kefahaman dan sensitif serta peka terhadap maklumat yang mereka perlukan. Maklumat berkaitan mereka yang terjejas perlu diberikan kepada keluarga terdekat sebelum diberikan kepada media (maklumat tertentu sahaja).

4. TAHAP RISIKO BANJIR DI SEKOLAH-SEKOLAH MENGIKUT SUKATAN PARAS AIR BERDASARKAN PROSEDUR OPERASI STANDARD JAWATANKUASA PUSAT OPERASI KECEMASAN DAERAH (DEOC)

		TINDAKAN PIHAK SEKOLAH					
BIL	TAHAP RISIKO	PARAS AIR / METER *	KEADAAN TANAH / JALAN	KENDERAAN YANG DAPAT / TIDAK DAPAT DIGUNAKAN	BANTUAN KENDERAAN YANG DIPERLUKAN	Paras air naik sebelum persekolahan (sebelum jam 7.00pagi)	Paras air naik semasa sesi pembelajaran
1	RENDAH	0.25 meter	Keras / jalan raya	Tidak boleh dilalui oleh kenderaan jenis saloon	Trak		
2	SEDERHANA	0.45 meter	Lembut / jalan tidak rata	Tidak boleh dilalui oleh kenderaan jenis 4x4	Trak	Penutupan sementara sekolah dan proses penempatan sementara ke sekolah berdekatan.	Memohon bantuan kenderaan yang bersesuaian daripada Pejabat Daerah melalui Focal Person Daerah yang telah dilantik sebagai ahli DEOC.
3	SEDERHANA	0.45 meter	Keras / jalan raya	Tidak boleh dilalui oleh kenderaan jenis 4x4	Trak		
4	TINGGI	1 meter	Keras / jalan raya	Tidak boleh dilalui oleh kenderaan Trak	Perahu		
5	TINGGI	1 meter	-n/a-	Hanya boleh dilalui oleh bot perahu	Perahu		

Nota:

* Berdasarkan ukuran paras air yang telah dibuat oleh Pusat Operasi Kecemasan Daerah (DEOC) dan / atau Balai Bomba bagi setiap Daerah.

** Penutupan sementara sekolah adalah tertakluk kepada:

1. Ketinggian atau keadaan tanah / kawasan dan arus air. Contohnya, di beberapa kawasan tanah rendah, kenaikan paras air banjir setinggi 0.25 mengakibatkan perhubungan jalan raya di kawasan pendalaman seperti Melilas dan Ulu Belait terputus dan tidak dapat dilalui.
2. Saranan dan nasihat daripada pihak DEOC dengan tidak terhad dalam tahap-tahap risiko di atas

5. FASA SEBELUM INSIDEN BANJIR



Beberapa tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan-Jabatan berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan bagi memastikan kesan banjir adalah di tahap yang minima.

5.1

PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN



Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan melalui Bahagian Kesihatan, Keselamatan, dan Alam Sekitar (HSE) akan melaksanakan beberapa tindakan berikut bagi memastikan kesan banjir adalah pada tahap yang minima.



Mendapatkan nasihat daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan mengenai kawasan-kawasan yang mudah dilanda banjir;



Mengadakan sosialisasi dokumen-dokumen atau maklumat yang berkaitan dengan tatacara standard bagi menangani bencana.



Mengumpul data sekolah-sekolah yang sering atau yang berkemungkinan akan dilanda banjir bagi kemudahan menyalurkan maklumat tanda amaran banjir dengan cepat.




Mengenalpasti ciri-ciri kawasan geografi sekolah iaitu sekolah-sekolah yang mudah mengalami banjir samada kawasan sekolah tersebut termasuk kawasan tadahan sungai, kawasan pantai yang rendah, dan laluan yang sering dilanda banjir.



Membuat lawatan ke sekolah-sekolah yang terlibat dalam banjir dan seterusnya memeriksa serta memastikan kawasan persekitaran sekolah dan dalaman bangunan sekolah dalam keadaan baik dari aspek kesihatan dan keselamatan.

5.2

PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH:



Melantik dua (2) orang wakil bagi setiap daerah sebagai ahli DEOC mengikut terma dan rujukan Penubuhan Kertas Kerja Penubuhan Sistem Pengurusan Dalam Menangani Isu Bencana Alam di Kementerian Pendidikan (Lantikan Pengarah Sekolah-Sekolah).



Menyediakan cadangan awal mengenai pemindahan dan penempatan sementara warga sekolah ke sekolah-sekolah berdekatan yang bersesuaian (sebagai holding school), jika kejadian banjir mengakibatkan keadaan sekolah tidak selamat untuk digunakan iaitu berasaskan kepada nasihat yang diperolehi daripada pihak-pihak yang berkenaan.



Memberikan taklimat mengenai tindakan-tindakan pengurusan proses pemindahan dan penempatan sementara kepada pemimpin-pemimpin sekolah yang sering dilanda banjir dan juga sekolah-sekolah yang terlibat dalam penempatan sementara tersebut.



Membekalkan peralatan-peralatan kecemasan kepada sekolah-sekolah yang pernah mengalami banjir seperti wisel, jaket keselamatan, pelampung keselamatan, alat pembesar suara, kasut 'boot' (kegunaan Guru yang dilantik sebagai Fire Marshall) dan lain-lain peralatan yang berkaitan.



5.3

PERANAN JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET:



Membuat pemeriksaan berjadual ke sekolah-sekolah yang sering atau yang berpotensi dilanda banjir dan menyelaraskan pelan tindakan.



Mengenalpasti dan membuat penilaian terhadap infrastruktur luaran bangunan yang boleh menyebabkan berlakunya banjir seperti longkang tersumbat, persekitaran tanah teturun dan sebagainya.



Bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan agensi-agensi swasta (jika berkenaan) yang berkaitan dengan isu teknikal yang melibatkan infrastruktur sekolah.



Menyediakan Tanda Aras Paras Air / Meter di setiap sekolah yang dikenal pasti sering mengalami insiden banjir.

5.4

PERANAN SEKOLAH



Secara proaktif menjalankan pemeriksaan terhadap kondisi bangunan, prasarana dan peralatan sekolah;



Menghadapkan permohonan ke Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet untuk sebarang pembaikan jika ada kerosakan;



Memastikan peralatan dan dokumen-dokumen sekolah dikumpul dan disimpan secara teratur dan di tempat yang selamat.



Memastikan peralatan-peralatan untuk menghadapi sebarang kemungkinan banjir seperti jaket keselamatan, but kebun, wisel, lampu picit, kotak pertolongan cemas (First Aids Box), topi keselamatan, baju hujan, tali keselamatan dan lain-lain dalam keadaan baik / berfungsi dan mudah dicapai (aksesibel).



Menyediakan pelan tindakan kecemasan dan pelan pemindahan (evakuasi) sekolah bagi menghadapi banjir dan melakukan latihan pemindahan ('evacuation drills') bersama warga sekolah bagi sekolah-sekolah yang sering dilanda banjir.



Para pemimpin sekolah disarankan supaya memberi taklimat keselamatan kepada warga sekolah dari masa ke semasa terutama mengenai 'Prosedur Operasi Standard' (SOP), jika berlaku banjir di sekolah.



Para pemimpin sekolah hendaklah memaklumkan ibubapa dan penjaga mengenai tindakan-tindakan dan pengurusan pihak sekolah jika berlaku banjir di laluan atau kawasan sekolah.



Para Pemimpin sekolah dan guru-guru kelas hendaklah menyediakan satu saluran komunikasi bersama ibubapa dan penjaga pelajar seperti melalui aplikasi 'WhatsApp', khidmat pesanan ringkas (SMS) dan talian telefon atau seumpamanya untuk digunakan semasa banjir bagi mengemaskini maklumat dan tindakan pihak sekolah.




Mempamerkan nombor-nombor kecemasan termasuk agensi-agensy pengurusan kecemasan tempatan seperti Ketua Kampong, Pejabat Daerah, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat dan sebagainya di tempat-tempat yang strategik.

6.FASA SEMASA INSIDEN : TATACARA MENANGANI KEJADIAN BANJIR DI SEKOLAH



6.1

PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH:



Wakil Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) bagi setiap daerah sebagai ahli DEOC hendaklah sentiasa bersikap proaktif dalam mendapatkan dan mengemaskini maklumat yang diperolehi daripada Pemimpin Sekolah dan seterusnya bersiap sedia untuk memberikan bantuan / nasihat kepada sekolah yang mengalami banjir.

Melaksanakan penempatan sementara untuk sekolah-sekolah terjejas di sekolah berdekatan yang bersesuaian.

Pegawai Jabatan Sekolah-Sekolah yang dilantik sebagai “Focal Person” di Pusat Pengurusan Bencana Alam bagi setiap daerah hendaklah menghadiri mesyuarat DEOC yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan hendaklah menyalurkan maklumat-maklumat tersebut kepada bilik gerakan/ GC WA Adverse Weather, Kementerian Pendidikan.

Maklumat mengenai banjir di sekolah-sekolah hendaklah sentiasa dikemaskini kepada bilik gerakan/ GC WA Adverse Weather, Kementerian Pendidikan.

6.2

PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN:



Jika penutupan sementara sekolah berlaku, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan melalui Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, akan memberikan kemudahan seperti pengangkutan pelajar-pelajar yang terlibat dari tempat kediaman untuk dihantar ke sekolah-sekolah penempatan sementara setelah menerima permohonan dan arahan dari pihak atasan.



6.3.1 Berikut adalah tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah jika insiden banjir berlaku sebelum sesi pembelajaran:



Pengawal Keselamatan / HSE Representatif / Komite HSE Sekolah hendaklah memaklumkan kepada Pengetua, Timbalan Pengetua, Guru Besar dan Penolong Guru Besar di sekolah berhubung kejadian banjir.



Para pemimpin sekolah hendaklah menghubungi agensi-agensi yang berkenaan, iaitu pihak Bomba dan Penyelamat (bagi pengesahan paras air dan tahap bahaya), Fokal Jabatan Sekolah-Sekolah dan bilik gerakan/GC WA Adverse Weather, Kementerian Pendidikan.



Menerima pengesahan sukatan air banjir di tahap berisiko daripada pihak Bomba dan Penyelamat.



Para pemimpin sekolah hendaklah mengarahkan pengawal keselamatan untuk mematikan suis utama elektrik, menutup dan menanggalkan kepala gas yang ada di dapur, makmal, bilik kelas memasak, dan kantin sekolah.



Para pemimpin sekolah hendaklah memaklumkan proses penempatan sementara sekolah kepada guru-guru kelas dan kakitangan sekolah setelah menerima arahan daripada Fokal JSS.



Para pemimpin sekolah hendaklah mengarahkan guru-guru kelas menghubungi ibu bapa mengenai penempatan sementara sekolah.



Jika kondisi banjir berterusan, para pemimpin sekolah hendaklah merujuk kepada Fokal JSS bagi mendapatkan arahan meneruskan penempatan sementara di sekolah yang berdekatan dan menjalankan sesi pembelajaran seperti biasa.




Jika kondisi banjir telah surut, para pemimpin sekolah hendaklah merujuk kepada Fokal JSS bagi mendapatkan kebenaran untuk kembali ke sekolah dan meneruskan sesi pembelajaran seperti biasa.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
CARTA ALIRAN KERJA

MENANGANI BANJIR SEBELUM SESI PEMBELAJARAN DI SEKOLAH

MOE/SOP/BANJIR

AKTIVITI KERJA: BANJIR DI SEKOLAH/MAKTAB/PUSAT TINGKATAN ENAM
(Tindakan: Sekolah/ Maktab/ Pusat Tingkatan Enam)





6.3.2 Berikut adalah tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah jika insiden banjir berlaku semasa sesi persekolahan.

Para Pemimpin Sekolah (Pengetua, Timbalan Pengetua, Guru Besar dan Penolong Guru Besar) hendaklah:



Menghubungi agensi-agensi yang berkenaan, iaitu pihak Bomba dan Penyelamat (bagi pengesahan paras air dan tahap bahaya), Fokal Jabatan Sekolah-Sekolah dan bilik gerakan/GC WA Adverse Weather, Kementerian Pendidikan.



Menerima pengesahan sukatan air banjir ditahap berisiko daripada pihak Bomba dan Penyelamat.



Menghubungi Fokal JSS bagi ketetapan untuk proses pemindahan (evakuasi) warga sekolah dan arahan pulang.



Mengarahkan Komite HSE Sekolah bagi proses pemindahan warga sekolah ke tempat perhimpunan / Assembly Point.



Mengarahkan Guru-guru Kelas, HSE Representatif / Kakitangan untuk mematikan suis utama elektrik, menutup dan menanggalkan kepala gas yang ada di dapur, makmal, bilik kelas memasak, dan kantin sekolah.



Mengarahkan Guru Kelas / HSE Representatif / Kakitangan sekolah untuk menyelamatkan harta benda sekolah terutama dokumen penting dan barang elektrik jika keadaan mengizinkan



Mengarahkan Guru Kelas, HSE Representatif dan Guru Pertolongan Cemas (First Aider) bagi mengawal dan memantau kondisi kesihatan dan keselamatan warga sekolah serta memastikan mereka tidak dalam keadaan panik semasa berada di tempat perhimpunan (kawasan tinggi, selamat dan tidak dinaiki air).



Mengarahkan Guru Kelas dan HSE Representatif bagi mengenalpasti mana-mana warga sekolah yang memerlukan rawatan serta menghubungi Paramedik dan memaklumkan Ibu Bapa / Penjaga / Keluarga mengenai kondisi warga sekolah tersebut.



Memastikan Guru Kelas dan HSE Representatif telah menerima pengesahan keberadaan warga sekolah di rumah sakit



Mengarahkan Guru Kelas dan HSE Representatif untuk menghubungi Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan serta Ibu Bapa / Penjaga / Keluarga bagi membawa pulang warga sekolah yang tidak memerlukan rawatan.



Memastikan Guru Kelas / HSE Representatif menerima pengesahan bahawa warga sekolah telah pulang dengan selamat.



Memaklumkan Fokal JSS bahawa bangunan sekolah telah dikosongkan serta seluruh warga sekolah telah pulang dengan selamat.



Jika kondisi banjir berterusan, para pemimpin sekolah hendaklah merujuk kepada Fokal JSS bagi mendapatkan arahan meneruskan penempatan sementara di sekolah yang berdekatan dan menjalankan sesi pembelajaran seperti biasa.




Jika kondisi banjir telah surut, para pemimpin sekolah hendaklah merujuk kepada Fokal JSS bagi mendapatkan kebenaran untuk kembali ke sekolah dan meneruskan sesi pembelajaran seperti biasa.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
 PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
 CARTA ALIRAN KERJA

MENANGANI BANJIR SEMASA SESI PEMBELAJARAN DI SEKOLAH

MOE/SOP/BANJIR

AKTIVITI KERJA: BANJIR DI SEKOLAH/MAKTAB/PUSAT TINGKATAN ENAM
 (Tindakan: Sekolah/ Maktab/ Pusat Tingkatan Enam)



- Hubungi Bomba dan Penyelamat bagi pengesahan paras air dan tahap bahaya
- Hubungi Fokal JSS
- Hubungi bilik gerakan/GC WA Adverse Weather, Kementerian Pendidikan
- Terima pengesahan sukatan paras air banjir di tahap berisiko
- Hubungi Fokal JSS bagi ketetapan untuk proses pemindahan (evakuasi) warga sekolah dan arahan pulang
- Araahkan komiti HSE Sekolah bagi proses pemindahan warga sekolah ke tempat perhimpunan
- Matikan suis utama elektrik, tutup dan tanggalkan kepala gas yang ada di dapur, makmal, bilik kelas memasak, dan kantin sekolah
- Selamatkan harta benda sekolah terutama dokumen penting dan barang elektrik jika keadaan mengizinkan
- Kawal dan pantau kondisi kesihatan dan keselamatan warga sekolah serta pastikan mereka tidak dalam keadaan panik semasa di tempat perhimpunan (kawasan tinggi, selamat dan tidak dinaiki air)
- Jika warga sekolah didapati memerlukan rawatan paramedik
- Hubungi Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan / Ibu Bapa / Penjaga / Keluarga untuk membawa pulang warga sekolah
- Terima pengesahan warga sekolah telah pulang dengan selamat
- Maklumkan Fokal JSS bangunan sekolah telah dikosongkan serta seluruh warga sekolah telah pulang dengan selamat

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
CARTA ALIRAN KERJA

MENANGANI BANJIR SEMASA SESI PEMBELAJARAN DI SEKOLAH

MOE/SOP/BANJIR

AKTIVITI KERJA: BANJIR DI SEKOLAH/MAKTAB/PUSAT TINGKATAN ENAM
(Tindakan: Sekolah/ Maktab/ Pusat Tingkatan Enam)



• Jika kondisi banjir telah surut

• Terima arahan daripada Fokal JSS untuk kembali ke sekolah dan meneruskan sesi pembelajaran seperti biasa

7. FASA SELEPAS INSIDEN BANJIR DI SEKOLAH



7.1

PERANAN SEKOLAH



Pemimpin Sekolah menghadapi permohonan pembaikan dan penggantian alat perkakas yang rosak kepada jabatan-jabatan berkenaan dengan segera.

Aspek alam sekitar yang perlu diambil perhatian oleh warga sekolah:

- Pembersihan kawasan sekolah termasuk longkang-longkang dan parit.
- Membuang air yang bertakong seperti dalam pasu bunga, kolam dan lain-lain bagi menghindari pembiakan nyamuk dan jangkitan kuman
- Menghubungi pihak yang berkenaan untuk melaksanakan penyemburan asap (fogging), dan;
- Menghubungi pihak yang berkenaan jika saluran najis main hole tersumbat, rosak dan bermasalah.

Aspek kesihatan yang perlu diambil perhatian oleh warga sekolah:

- Pembekalan air mineral kepada warga sekolah jika diperlukan;
- Mendapatkan bekalan air bersih daripada pihak-pihak yang berkenaan, jika diperlukan;
- Meningkatkan tahap kebersihan diri dengan sentiasa mencuci tangan dengan air bersih dan sabun sebelum dan selepas memegang, menghidang, menyediakan makanan dan selepas ke tandas untuk mencegah penyakit dan keracunan makanan,
- Mendapatkan rawatan dengan segera jika terdapat simptom seperti demam, sesasma, batuk, penyakit jangkitan kulit, sakit mata, muntah-muntah, sakit sendi, sakit otot dan seumpamanya.



Aspek kawalan keselamatan yang perlu diambil perhatian oleh warga sekolah;


- a. Menyediakan tanda-tanda keselamatan seperti kawasan yang berbahaya, lantai licin dan seumpamanya;
- b. Meningkatkan kewaspadaan Pengawal Keselamatan/Penjaga Malam/Penjaga Sekolah dalam memastikan keselamatan setiap harta benda sekolah adalah terkawal dan terjamin daripada perkara-perkara yang tidak diingini seperti kecurian, pemugut (vandalisma), kebakaran dan seumpamanya, dan;
- c. Pihak sekolah hendaklah memastikan semua dokumen disimpan di tempat yang selamat dan teratur.



Garispandu tindakan mengurangkan risiko kejutan elektrik atau kerosakan barang-barang elektrik yang disebabkan oleh banjir:

- a. Tidak menghidupkan suis atau menggunakan mana-mana perkakas elektrik sehingga juruletrik mengesahkan ianya selamat untuk berbuat sedemikian.
- b. Tidak menyentuh suis pemutus (circuit breaker) atau mengganti fuse dengan tangan yang basah atau sewaktu berdiri di tempat yang basah.
- c. Gunakan perkakas yang kering dan bersalut dengan plastik atau getah untuk menghidupkan suis pemutus (circuit breaker) dan menggunakan satu tangan sahaja.
- d. Tidak membiarkan wayar-wayar elektrik menjadi basah. Tidak melepaskan sambungan pada “ground pin” yang terdapat di dalam three-pins plug.
- e. Sila buang peralatan elektrik seperti suis pemutus (circuit breaker), fuse dan suis yang telah terendam dalam air.
- f. Apabila menggunakan “wet-dry vacuum cleaner” atau “pressure washer”, pastikan mengikuti arahan yang dikeluarkan oleh pembuat barangan tersebut untuk mengelakkan kejutan elektrik. Jenerator mudah alih (portable generator) menghasilkan carbon monoksida (CO), sejenis gas beracun yang tidak mempunyai warna dan bau. Oleh yang demikian, jenerator mudah alih tidak boleh digunakan di dalam rumah / bangunan atau di kawasan luar yang berhampiran dengan pintu yang terbuka, jendela atau laluan angin yang lainnya.
- g. Tidak cuba menghidupkan sebarang perkakas elektrik yang rosak. Alat-alat elektrik boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kepanasan yang boleh menyebabkan kebakaran.





Membaikpulih kerosakan bangunan sekolah yang dipohonkan oleh pihak sekolah dengan segera;

Sentiasa memantau dan membantu sekolah yang dilanda banjir dalam aspek mengekalkan dan meningkatkan keselamatan bangunan sekolah;

Membuat kerja-kerja pemeliharaan berterusan terhadap infrastruktur bangunan dan kawasan yang terjejas selepas kejadian banjir;

Sentiasa memantau dan membantu sekolah yang dilanda banjir dan meneliti kemudahan-kemudahan yang perlu diganti atau baikpulih;

Sebelum pembaikan bangunan dilaksanakan, Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet akan menilai semula berhubung dengan kesesuaian pembaikan bangunan di tempat asal dengan menitikberatkan faktor keselamatan.

Membuat perkiraan kos pembaikpulihan infrastruktur bangunan dan senarai kerja-kerja pembaikan yang sudah dijalankan / yang dapat dibuat untuk diberikan kepada Bilik Gerakan.

Jika jumlah peruntukan Jabatan tidak mencukupi untuk membuat pembaikan, permohonan akan dibuat ke pihak Pusat Pengurusan Bencana Alam (NDMC) melalui Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan.

Bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan untuk susulan kerja-kerja pembaikan (jika berkenaan).

LAMPIRAN

GAMBAR SEKOLAH-SEKOLAH TERLIBAT BANJIR



SEKOLAH RENDAH DMS SUKANG DAERAH KUALA BELAIT



SEKOLAH RENDAH BENUTAN DAERAH TUTONG



SEKOLAH RENDAH PANCHONG



SEKOLAH RENDAH SULTAN
HASSAN BANGAR

KUMPULAN PENYELIDIK DAN SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

**YANG MULIA PENGIRAN MOHAMMAD JEFFRYNULHAFLI BIN PENGIRAN HAJI ALI
PENGARAH PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

KETUA

**YANG MULIA HAJI SIASA BIN TAMBAH
KETUA BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

SETIAUSAHA

**YANG MULIA HAJAH RAZINAHTUL HASYIMAH BINTI HAJI ABD RAHIM
UNIT PENTADBIRAN
BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

AHLI-AHLI

**YANG MULIA MONALIZA BINTI HAJI SAJIR
KETUA UNIT ALAM SEKITAR
BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**YANG MULIA MARINI BINTI MATALLI
UNIT PENTADBIRAN
BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**YANG MULIA SITI NURFATIN AQILAH BINTI MOHAMMAD ZAMIL
YANG MULIA MOHAMMAD AZRI BIN MAHMUD
YANG MULIA SITI NORADILLAH BINTI AWANG TUSIN
PEGAWAI IREADY
UNIT ALAM SEKITAR**

ILLUSTRASI

**YANG MULIA NURUL ASYIQIN BINTI HAJI YAHYA
PEGAWAI IREADY
UNIT ALAM SEKITAR**

PENGHARGAAN

**AWANG UMAR BIN RAMLEE
PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH**

**AWANG MOHAMMAD SUFARI BIN HAJI MD DAUD
PENYELIA SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH**

**AWANG MARHALIM BIN HAJI MAHADI
PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET**

**DAYANG MARSHITAH BINTI OSMAN
PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET**

**DAYANG RINA NURHAFIZAH REZZA BINTI ABDUL RANI
PEGAWAI PENGURUSAN BENCANA KANAN
KETUA BAHAGIAN OPERASI
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**AWANG MOHAMMAD ADIB BIN MATALI
PEGAWAI PENGURUSAN BENCANA KANAN
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN ANALISA
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**AWANG ABDUL MU'EIN BIN HAJI ADI MARHAIN
PEGAWAI PENGURUSAN BENCANA
BAHAGIAN OPERASI
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**AWANG MD HARIS BIN HAJI MD ZAINI
PEGAWAI OPERASI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

NOTA

DICETAK OLEH :

Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd
Negara Brunei Darussalam



DISEDIAKAN OLEH :

**BAHAGIAN KESIHATAN
KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (HSE)
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**